

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Kembara Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS KEMBARA TAKAFUL

Tarikh : 01/12/2018

1) Produk apakah ini?

Produk ini akan membayar pampasan kepada anda semasa perjalanan bagi Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan, yang mana kecederaan ini sepenuhnya dan bebas dari apa-apa sebab lain yang mengakibatkan anda mengalami hilang keupayaan atau menyebabkan anda perlu menjalani perubatan atau berlakunya kematian. Pampasan akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan atau wakil anda yang sah.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota : Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Manfaat	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)
Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Akibat Kemalangan	10,000.00	20,000.00
Perbelanjaan Pengebumian	500.00	1,000.00
Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan	1,000.00	2,000.00
Perlindungan Bagasi	1,000.00 dengan had 200.00 setiap item	2,000.00 dengan had 400.00 setiap item
Perbelanjaan Perubatan	1,000.00	2,000.00
Elaun Hospital	2,500.00	5,000.00
Liabiliti Diri	50,000.00	100,000.00

Nota : Sila rujuk Jadual Manfaat untuk Kematian dan Hilang Keupayaan Kekal di dalam Sijil Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih, destinasi, bilangan hari untuk perjalanan dan jumlah Orang Yang Dilindungi (jika perjalanan dalam satu kumpulan).

Sila hubungi Pusat Panggilan atau emel kepada ikhlassupport atau layari portal e-**IKHLAS** kami untuk mendapatkan sebut harga.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful :-

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Takaful Sumbangan :-

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga 25% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 35% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Had umur

- 3 tahun sehingga 65 tahun

Kepentingan Pendedahan

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu, jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.

Pampasan / Tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas Kematian atau Hilang Keupayaan berdasarkan kepada “Jadual Manfaat” yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful tempohnya telah matang mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terus terbatal.
- Anda dinasihatkan untuk membayar Sumbangan Takaful terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dinamakan ke atas pihak Syarikat sahaja).

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Orang Yang Dilindungi melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud pada Orang Yang Dilindungi;
- Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful) kepada Orang Yang Dilindungi;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh kecederaan tubuh badan akibat kemalangan;
- Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan ;
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

Nota : *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai "Takaful Kemalangan Diri" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Kembara Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Personal Accident Takaful
- *IKHLAS* Motorist PA Takaful

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018